



SIARAN MEDIA  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP)  
BUKAN ENTITI PERNIAGAAN**

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) ingin menegaskan status Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) sebagai sebuah platform rasmi perwakilan komuniti yang ditubuhkan khusus bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan.

Peranan utama MPPWP adalah tertumpu kepada penyelarasan aduan rakyat, penglibatan komuniti secara aktif, serta pelaksanaan program-program kesejahteraan penduduk. Sebagai rakan strategik kerajaan, MPPWP berfungsi untuk memperkasa komuniti bandar melalui pendekatan yang inklusif, telus, dan berintegriti tinggi.

MPPWP bukan sebuah entiti yang ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti komersial atau perniagaan bagi menjana pendapatan, apatah lagi keuntungan. Ahli MPPWP tidak boleh menyalahgunakan identiti organisasi, termasuk penggunaan kad perniagaan bercetak logo MPPWP bagi tujuan perniagaan, kutipan dana tanpa kebenaran atau tujuan komersial termasuk kepentingan peribadi yang di luar bidang tugas rasmi mereka.

Segala gerak kerja MPPWP adalah tertakluk kepada peraturan kewangan dan pentadbiran kerajaan termasuk Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, serta Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan MPPWP. Tindakan tegas di bawah undang-undang dan peraturan sedia ada boleh diambil terhadap mana-mana pihak dan ahli-ahli MPPWP yang didapati menyalahgunakan kedudukan atau nama MPPWP untuk kepentingan peribadi.

JWP menggesa orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan mana-mana individu serta ahli-ahli MPPWP yang menggunakan nama atau kedudukan MPPWP bagi tujuan yang meragukan. Sebarang keraguan mengenai penglibatan ahli MPPWP dalam aktiviti bukan rasmi hendaklah dirujuk terus kepada Jabatan Wilayah Persekutuan untuk pengesahan.

\*\*\*

Disediakan oleh:  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
17 April 2026

